

FALSAFAH AKHLAK DALAM ISLAM



Makalah ini ditulis oleh al-Ustādh “Ḥassan Ṣaliḥ” pelajar Melayu di Azhar dalam bahagian “Takhaṣṣuṣ al-Quḍā” al-Sharī‘ī”. Al-Ustādh Ḥassan dari Kelantan dan pernah menjadi Ketua Komiti Rancangan Rumah Melayu di Mesir.

(Oleh al-Ustaz Hassan Saleh)

Di dalam kitab “*Nahj al-Balāghah*” ada menyebut bahawa pergaulan atau keadaan seseorang ada memberi kesan kepada akhlak. Pengarang kitab “*Nahj al-Balāghah*” berpendapatan bahawa segala kebaikan di dalam alam ini adalah menuju jalan pertengahan seperti fikiran Aflatun ahli falsafah Greek yang besar berkata: Ke kanan dan ke kiri sesat. Ikutlah jalan tengah kerana itulah jalan yang benar. Pengarang kitab itu berkata lagi: Inilah suruhan kitab-kitab suci dan Nabi-nabi, seluruh kaum manusia mestilah bekerja untuk negeri akhirat, seperti yang disuruh oleh semua agama.

Kebanyakan puak-puak kaum Islam tidak menjiwai atau membezakan antara akhlak dengan agama. Puak-puak “al-Khawārij” mengambil sikap yang amat keras sekali berkenaan dengan akhlak. Mereka membunuh orang yang mencuri dan berdosa. Manakala puak “al-Marji’ah” pula bersikap lembut dalam soal akhlak. Mereka itu berpendapatan bahawa manusia tidak harus membalas manusia, tinggalkan sahaja balasan itu kepada Tuhan pada Hari Kiamat kelak. Tuhan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya akan perkara hak dan batil.

Puak “al-Asha‘ariyah” telah berselisih faham dengan puak “al-Mu‘tazilah” tentang perbuatan – gerak-geri manusia.

Puak Mu‘tazilah mengatakan manusia merdeka beriradat dalam perbuatan – gerak-geri. Yang demikian dikira segala perbuatannya sama ada baik atau jahat. Oleh itu tidak dinamakan keadilan sekiranya dikatakan Tuhan memaksa manusia berbuat jahat kemudian diazab kerana perbuatan itu pada pendapat mereka segala perkara wajib diketahui dengan akal fikiran. Manaka puak al-Asha‘ariyah pula mengatakan manusia dikerasi dalam perbuatan sama ada baik atau jahat, akan tetapi manusia berusaha dalam perbuatannya; ertinya ia membuat dengan sukarela. Sebab itulah dikira tentang usaha ini dan tidak dikira tentang asal perbuatannya. Makna kebajikan di sisi mereka itu ialah tiap-tiap perkara yang disuruh oleh Allah Ta‘ālā dan kejahatan tiap-tiap perkara yang dilarang oleh Allah Ta‘ālā.

Ikhwān al-Ṣafā

Puak ini mengatakan separuh akhlak manusia ada sedia tersimpan semula jadi dalam tabiatnya, dan separuh lagi terdapat dengan usahanya sendiri di dalam hidup. Dalam tiap-tiap diri, atau jiwa, manusia ada kekuatan untuk menerima dua akhlak sama ada baik atau buruk, dan tabiat manusia lebih mudah menerima akhlak buruk daripada akhlak

baik!

Mereka mengatakan akhlak itu ada empat anasirnya:

1 – Tabiat: ialah yang membentuk akhlak manusia dengan sendirinya. Anasir ini yang kuat sekali.

2 – Keadaan alam sekeliling: Penduduk di bukit-bukau dan negeri-negeri sejuk lebih berani.

3 – Ikutan: tiruan ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan, golongan pemerintah.

4 – Campuran badan: dalam campuran tubuh badan seumpama: sihat, sakit, hitam, kuning, dan sebagainya ada memberi kesan dalam akhlak seseorang.

Adat dan kebiasaan melakukan satu-satu perkara ialah kesan yang menetapkan akhlak kepada tuannya, aliran akhlak tidak bersamaan malahan berlainan iaitu menurut pekerjaan masing-masing manusia dibalas atas akhlak yang diusahakan sendiri asal kejahatan yang besar ialah: seperti takbur Iblis tidak mahu menurut kebenaran, tamak Nabi Adam, melakukan kejahatan untuk mendapat wang, dan hasad Qabil atau sebagainya.

Sekalian manusia di dunia ini memang bersifat kurang, kekurangan mereka itu ada bertingkatan pula.

Ikhwān al-Ṣafā tidak mempunyai sikap akhlak yang tetap, mereka memilih dalam segala mazhab, akhlak yang terpuji pada mereka ialah kesucian rohani yang terbina di atas mahabbah kasih mesra sesama manusia dan bermati-mati mengasihi Kekasih yang utama iaitu Allah Subhānahu wa Ta‘ālā.

Al-Fārābī

Mengasaskan fikiran akhlaknya di atas agama Islam dan di atas falsafah Greek tua. Ia bersefahaman dengan al-Mu‘tazilah tentang akal manusia boleh menghukum tiap-tiap sesuatu perkara yang baik atau yang buruk, dan pengetahuan akal itulah dianggap setinggi-tinggi pengetahuan.

Menurut pendapatannya orang yang alim tidak beramal itu lebih baik daripada orang yang jahil beramal. Iradat (kemahuan) manusia itu hasil daripada kecenderungannya.

Khayalan seseorang sama ada golongan manusia atau binatang tetapi dalam fikiran dan renungan itu terkhas pada golongan manusia sahaja. Inilah yang dikatakan akhlak, dan tujuan akhlak itu ialah untuk mencapaikan kepada kebahagiaan.

Sifat-sifat tubuh seorang dalam menggunakan perasaan keras umpama marah atau degil itu orang lelaki lebih kuat daripada perempuan! Sebaliknya pula sifat-sifat tubuh seseorang dalam menggunakan lemah-lembut, belas-kasihan, rahmat itu pada perempuan lebih kuat daripada lelaki.

Ibnu Sina

Hikmah perangai ialah mengajari seseorang untuk mengambil sifat-sifat yang terpuji dan menjauhi dari sifat-sifat yang keji untuk membersihkan jua. Hendaklah manusia memilih yang elok yang berfaedah. Dalam pilihan ini maka fikiranlah yang akan menunjukkan perbuatan-perbuatan tentang baik buruknya; kelebihan itu ialah memilih jalan pertengahan iaitu sama seperti yang difahamkan oleh Aflatun.

Manusia semulajadinya mempunyai kekuatan dalam melakukan perbuatan sama ada baik atau jahat dan boleh menjalankan kedua-duanya atau meninggalkan salah satu daripadanya. Perkara adat dan kebiasaan dapatlah diukur benar atau salah dalam tiruan juga sangat berkesan dalam membentuk akhlak seseorang. Barang siapa hendak membaiki dirinya hendaklah memerhati dan merenung dalam-dalam sekalian perangai dan gerak-geri manusia kalau didapati baik hendaklah diambil dan jahat ditinggalkan. Pendeknya manusia sendiri boleh mengusaha balasan baik atau balasan jahat! Manakala seorang membuat satu perkara yang baik hendaklah ia berasa redha gembira, dan kecaplah buahnya, dan manakala seorang membuat sebaliknya atau taksir dalam satu perkara maka hendaklah ia mengawasi atau memberi amaran kepada dirinya sendiri dan hendaklah merasa kesal dukacita atas perbuatannya dan rasakanlah akibatnya dan dengan ini bolehlah ia membetulkan dirinya sendiri.

Abū al-‘Alā’ al-Ma‘rī

Berpendapatan bahawa tabiat manusia ini memang rosak binasa dan kerosakan itu sudah melarat merebak berakar berumbi dan sudah barang mustahil mengubahnya. Perkara yang jahat itu lebih senang pada diri manusia daripada perkara yang baik. Abū al-‘Alā’ mengatakan eloklah manusia ini membuat kebaikan kerana kebaikan semata-mata dan manakala membuat baik tak usahlah menanti balasan daripada manusia. Terimalah sahaja balasan daripada Allah Ta‘ālā.

Al-Imam al-Ghazālī

Akhlahk di sisinya terbina di atas agama ia mengatakan bahawa syari‘at ada menyebutkan tentang akhlahk yang baik ialah jalan yang pertengahan, iaitu antara dua perkara yang berlawanan. Misalan seperti “berani” ialah pertengahan antara penakut dengan membabi-buta! Demikianlah seterusnya lain-lain perkara. Pendeknya samalah dengan Aflatun. Ilmu akhlahk sangat panjang dan syariat telah menerangkan satu persatunya dalam kitab suci. Kata Imam al-Ghazālī tiada jalan untuk membersihkan akhlahk itu melainkan mestilah memelihara taat kepada undang-undang syara’ dalam segala perkara dan gerak-geri.

Tiap-tiap seorang hendaklah menurut atau menahan dengan isyarat shari‘at dan jangan sekali-kali menurut hawa nafsu. Dengan ini bolehlah ia membersihkan jiwa dan gerak-gerinya. Barangsiapa mencampuri dua kelebihan iaitu ilmu dan amalan – atau dengan lain ibarat mereka yang alim serta beramal ialah orang yang mulia dan tinggi serta dapat menjadi tuan dalam dirinya sendiri! Dan barang siapa yang ‘alim tetapi tidak beramal maka ia dinamakan alim fasik. Di akhirat nanti akan merasa azab tetapi keazabannya tidak kekal kerana dirinya sudah sempurna dengan adanya ilmu pengetahuan, tetapi sifat jasad yang kotor sahaja yang mencemarkan dirinya. Imam Ghazālī bahas ilmu akhlahk menurut bahasan ilmu jiwa dan tidak membahas menurut ilmu akal fikiran. Sebab itu ia membahas, dalam perkara tafsil. Umpama benar, menahan nafsu, berhias

dengan budi pekerti yang baik yang mana dikehendaki atau digemari oleh sekalian syari‘at-syari‘at dan semua aliran masyarakat.

Al- Ghazālī bersefahaman dengan Aflatun tentang menjadikan kelebihan itu mengambil jalan pertengahan, juga menurut filsuf Aristo tentang membina akhlahk di atas jalan pertengahan.

Ahli Tasawwuf

Ahli-ahli tasawwuf mengatakan akhlahk terdiri di atas agama dan adab tasawwuf – fikiran Ibnu al-‘Arabī khususnya diambil daripada al-Fārābī, Ibnu Sīnā, Ikhwān al-Ṣafā, al-Ma‘rī dan al-Ghazālī. Di sini mereka itu mengatakan akhlahk ada dua macam pertama akhlahk semula jadi kedua akhlahk yang diusahakan dan di sini terbahagi kepada dua bahagian pula bahagian baik dan bahagian buruk. Akhlahk buruk selalu menang dalam tabiat mansuai tetapi boleh menghindarkan keburukan tadi dengan jalan menanamkan perasaan baik jiwa seorang.

Akhlahk yang terpuji ialah seperti menahan hawa nafsu, berpada, menahan daripada bergurau-senda, tidak bercakap kotor, menjaga daripada memakan harta yang tidak halal, perasaan lemah lembut, menyimpan rahsia dan sebagainya. Akhlahk yang buruk umpama zalim, jahat, tamak haloba, tipu-menipu, mungkir janji, berdusta, membuka rahsia dan sebagainya; akhlahk, yang baik diperkenan oleh sekalian lapisan dan akhlahk buruk dibenci oleh semua lapisan.

Ibnu Bājah

Filsuf-filsuf Maghribi umumnya membahas falsafah akhlahk dari segi akal fikiran – dan meninggal dari segi ilmu sosial. Mereka menasihat supaya jauhkan diri daripada masyarakat, Ibnu Bajah berpendapat segala perbuatan gerak-geri manusia ada terbahagi dua: perbuatan yang tidak diikhtiar atau diusaha umpama lapar, membuang hampas makanan, jatuh daripada tempat yang tinggi dan lain-lain perbuatan itu tidak berhubung sama sekali dengan ilmu akhlahk. Dan kedua

perbuatan yang dilakukan selepas fikiran dan berazam. Inilah yang berhubung dengan akhlak – tentang baik buruknya kembalilah kepada hasil kesudahan tiap-tiap perbuatan! Seseorang yang memakan sejenis makanan yang digemari kerana lazatnya maka perbuatan itu bersifat kesayangan dan sekiranya kalau ia terdapat faedah daripada makanan itu maka zat atau hakikat makan itu kebinatangan walaupun bersifat kemanusiaan!

Barang siapa mematahkan ranting kayu yang melintang di jalan kerana terkena matanya maka perbuatannya itu bersifat kemenangan. Sekiranya pula ia mematahkan kayu itu supaya jangan mengenai atau membahayakan orang lain maka perbuatannya bersifat kemanusiaan! Walaupun banyak perbuatan kebinatangan yang dilakukan tetapi tidak sunyi juga daripada kemanusiaan, sebab perbuatan atau gerak-geri manusia biasanya selepas difikir dan diazamkan lebih dahulu! Ada pun mereka yang membuat suatu perkara kerana kebenaran dengan tidak memandang kepada nafsu kebinatangan atau kesedapan maka perbuatan itu hampir kepada ketuhanan!!

Ibnu al-Ṭufayl

Mengatakan tiap-tiap benda maujud mesti ada amal perbuatan menurut tabiatnya, inilah tujuan tentang perkara itu. Akhlak yang terpuji ialah membiarkan perkara-perkara yang ada dalam dunia ini supaya menyempurnakan kesudahannya. Barang siapa mematah dahan kayu, atau memakan buah yang masih putik atau yang sudah masak kemudian membuang air ke dalam laut atau di atas batu atau di mana tempat yang tidak akan tumbuh benih yang dibuang itu maka orang ini boleh disifatkan berakhlak buruk, kerana menghalang kesudahan dan tabiat satu-satu benda. Buah-buah yang jarang ada atau mahal, janganlah dihabiskan dan hendaklah jimat-cermat pada memakannya; dengan ini akhlak yang mulia dan terpuji di sisi Ibnu al-Ṭufayl ialah menolong aturan tabiat (kejadian alam) supaya sampai ke akhirnya dan janganlah menghalang sama sekali.

Ibnu Rushd

Tidak bersetuju dengan fikiran Ibnu Bājāh dan Ibnu al-Ṭufayl tentang seruan keduanya supaya menjauhkan diri daripada masyarakat bahkan Ibnu Rushd menyuruh berdamping dengan masyarakat! (Tetapi dia sendiri tidak mencampuri diri di dalam masyarakat. Inilah yang anehnya). Pendapatnya semata-mata bertawhid beribadat tidak akan menyuburkan ilmu pengetahuan dan tidak memajukan perusahaan pertukangan rakyat.

Ibnu Khaldūn

Tidak membahas dalam kitabnya “Muqaddimah Ibnu Khaldūn” satu fasal khas yang berhubung dengan akhlak. Ia berpendapatan bahawa akhlak gerak-geri seseorang itu boleh ditinjau dalam dua segi; pertama segi teori dan kedua segi perbuatan. Adat manusia boleh mengetahui bahawa belas-kasihan terhadap anak yatim itu wajib. Tetapi kadang-kadang seorang itu pada masa menemuinya sengaja menjauhkan diri dan membuat pura-pura tidak nampak.

Ibnu Khaldun melebihi dalam segi perbuatan sebab inilah yang lebih berkesan dan berfaedah. Katanya akhlak itu terbentuk dengan kesan pergaulan dengan adat kebiasaan, manakala seorang selalu kebiasaan dalam satu-satu perkara, jadilah perkara itu sebagai akhlaknya, atau dengan lain perkataan sebagai tabiat yang tidak boleh dilupakan lagi. Penduduk di kampung lebih berani daripada penduduk di bandar. Tinggal di bandar pula merosakkan kesihatan, merosakkan jiwa dan akhlak. Dalam kilang-kilang boleh mengkesankan akhlak khususnya dalam perniagaan kerana lazimnya sekarang suka bersumpah dengan bohong, dan apakala biasa dengan demikian sudah tentu lama-kelamaan menjadi ibadat seterusnya akhlak yang buruk!

Ibnu Khaldūn mengambil daripada puak “Ikhwān al-Ṣafā” dalam asas atau dasar akhlak, tetapi kepintaran Ibnu Khaldūn ialah tentang mengamalkan teori akhlak dalam ilmu masyarakat (*‘Ilm al-Ijtimā’*) dan menggunakan dalam sudut amalan manusia.

(Sambungan daripada muka 8)

beriman dengan syurga, tetapi tentang syurga itu sudah wujud atau belum, dan tempatnya adakah di langit atau di bumi atau pun di luar daripada keduanya tidaklah diberati kita mengetahuinya.

Berkhairat atau Berderma

Di dalam ayat yang tersebut Tuhan Azza Wa Jalla telah menerangkan setengah daripada sifat-sifat orang yang taqwa iaitu: "Orang-orang yang membelanjakan wangnya (berderma) dalam masa lapang dan dalam masa sempit". Selain daripada itu di dalam ayat ini diterangkan beberapa sifat mereka lagi, seperti menahan marah, memaafkan kesalahan orang, dan berihisan.

Di dalam permulaan surah al-Baqarah Tuhan telah mensifatkan orang-orang yang taqwa ialah: "Mereka yang beriman kepada yang ghaib, mengerjakan sembahyang, membelanjakan sebahagian daripada harta benda yang dikurniakan Allah, beriman dengan kitab-kitab yang telah diturunkan Allah kepada sekalian Nabi-nabi, serta berhati yakin akan hari akhirat. Dan banyak lain-lain ayat lagi yang menerangkan sifat-sifat mereka dengan jelasnya.

Al-Quran dan Soal Berkhairat

Islam telah mengambil berat dengan bersungguh-sungguh tentang soal bersedekah dan berkhairat. Al-Quran al-Karim di dalam banyak ayatnya telah memberi galakan dalam perkara itu, terutama di dalam surah al-Baqarah. Di sana diterangkan bersedekah atau berkhairat wajibah ia sunyi daripada mengungkit-ungkit atau menyakiti orang-orang yang berhak menerimanya dan hendaklah pula daripada pencarian yang halal dan bukan daripada harta haram.

Di dalam al-Hadith al-Sharīf pula tersebut: "*Alā kulli muslim sadaqah qīla: Fain lam yajid? Qala: Ya 'mal wa yatasaddaq.*"

Ertinya: "Tiap seorang Islam hendaklah bersedekah. Orang pun bertanya: Kalau tidak dapat? Maka Rasulullah menjawab: Hendaklah ia bekerja dan bersedekah."

Di dalam suatu hadis yang lain, Nabi bersabda: "*Ittaqu al-nār wa law bishaq tamratan.*"

Ertinya: "Kawallah diri kamu daripada azab neraka walaupun dengan setengah biji buah kurma."

Ajaran al-Quran dan al-Sunnah yang demikian adalah mempunyai satu tujuan iaitu supaya perbuatan bersedekah dan berkhairat menjadi salah satu daripada akhlak orang Islam dan adat kebiasaan mereka.

Faedah Berkhairat

Tidak syak lagi, bahawa bersedekah, berderma atau berkhairat itu menurut jalan yang tersebut adalah menguatkan perikatan orang-ramai di antara satu dengan lain, membaiki hal-ehwal kumpulan-kumpulan ramai, menjadikan masyarakat berbahagia dengan sebenar-benarnya. Demikian juga dengan jalan itu dapat menghapuskan perasaan marah dan tidak puas hati fakir miskin kepada golongan-golongan yang kaya-raya, menghilangkan penderitaan orang tua yang tidak larat mencari sara hidup, menghidupkan perasaan belas-kasihan dan bertimbang rasa, serta membuktikan makna persaudaraan yang sebenar-benarnya.

Orang Islam dan Khairat

Islam cukup memberatkan tentang soal berkhairat, tetapi kebanyakan orang-orang Islam telah menjauhkan diri daripada pertunjuk Illahi itu pada hal orang lain (yang bukan Islam) telah menurutnya. Mereka sekarang tegak menuduh orang Islam tidak menaruh belas kasihan lalu memalitkan perbuatan yang buruk itu kepada ajaran Islam, sambil mereka pula bermegah-megah dengan hasil derma mereka seperti sekolah-sekolah, hospital-hospital dan rumah-rumah miskin.

Tidakkah Islam teraniaya dengan perbuatan pemeluknya yang bakhil dan tidak menimbangrasa?

-Bersambung